

### Terma-Terma & Syarat-Syarat 'CIMB Clicks For Trips'

1. Setiap sebutan "**CIMB Bank**" merujuk kepada CIMB Bank Berhad (13491-P).

#### Tempoh Kempen

2. 'CIMB Clicks For Trips' ("**Kempen ini**") dianjurkan oleh CIMB Bank akan berlangsung dari 1 April 2018 sehingga 30 Jun 2018, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB Bank menyimpan hak sebaik sahaja memberi notis awal yang mencukupi empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh luput Tempoh Kempen.

#### Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada pemegang akaun Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Konvensional ("**Akaun Penyertaan**") sahaja kecuali orang-orang/entiti-entiti berikut yang TIDAK layak menyertai Kempen ini:-
  - (i) Kakitangan tetap dan/atau sambilan atau pekerja-pekerja CIMB Bank (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat yang berkaitan) dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik beradik); dan/atau
  - (ii) Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, penjual-penjual dan pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga) CIMB Bank (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitan) dan kakitangan tetap dan/atau kontrak dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik); dan/atau
  - (iii) Perkongsian, Organisasi/Persatuan-persatuan Kebajikan/Bukan Keuntungan, Pelanggan-Pelanggan Korporat dan Komersial, syarikat-syarikat tersenarai awam, syarikat-syarikat sendirian berhad, kelab-kelab, persatuan-persatuan dan koperasi-koperasi; dan/atau
  - (iv) Individu di bawah umur 18 tahun.
5. Berhubung dengan Akaun Penyertaan Bersama, hanya pemegang akaun bernama pertama iaitu pemegang akaun utama layak menyertai dalam Kempen ("**Pemegang Akaun Utama**"). Untuk tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama yang bukan pemegang akaun bernama pertama tidak akan layak menyertai Kempen ini.

(seterusnya dirujuk secara kolektif sebagai "**Peserta Yang Layak**").

#### Mekanisma Kempen & Kriteria Penyertaan

6. Hadiah-hadiah berikut disediakan untuk pemenang-pemenang yang dipilih bagi Kempen ini untuk setiap bulan kempen ("**Bulan Kempen**"):

Bulan Kempen	Tarikh Permulaan	Tarikh Akhir
Bulan 1	1 April 2018	30 April 2018
Bulan 2	1 Mei 2018	31 Mei 2018

Bulan 3	1 Jun 2018	30 Jun 2018
---------	------------	-------------

Kategori	Hadiah-Hadiah	Pemenang-Pemenang sebulan	Jumlah Pemenang-Pemenang semasa Tempoh Kempen
Hadiah Utama	Baucar e-Gift AirAsia bernilai RM 10,000	10	30
Hadiah Saguhati	Baucar e-Gift AirAsia bernilai RM 1,000	300	900

*Nota:*

- (i) Setiap Peserta Yang Layak berhak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama dan satu (1) Hadiah Saguhati sepanjang Tempoh Kempen.
- (ii) Fi Interbank Giro (IBG) dan Instant Transfer (IBFT) melalui CIMB Clicks akan dikecualikan sepanjang Tempoh Kempen.
- (iii) Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati masing-masing dirujuk sebagai "**Hadiah**" dan secara kolektif dirujuk sebagai "**Hadiah-Hadiah**".

7. Para Peserta Yang Layak boleh mendapat satu penyertaan atau penyertaan-penyertaan ("**Penyertaan**" atau "**Penyertaan-Penyertaan**"), mengikut mana-mana yang berkenaan untuk memenangi Hadiah yang dirujuk dalam Klausa 6 dengan melaksanakan transaksi-transaksi yang disenaraikan di dalam jadual di bawah.

Transaksi Yang Layak	Nombor Penyertaan-Penyertaan
Daftar baru untuk CIMB Clicks	30
Setiap pembayaran bil, pembayaran pinjaman atau pembayaran kad kredit	30
Setiap pemindahan dana IBG/IBFT kepada akaun simpanan atau akaun semasa bank yang lain atau Setiap tambah nilai prabayar	10

Nota: Amaun minimum yang diperlukan untuk Transaksi Yang Layak di atas di mana ia melibatkan pembayaran bil, pembayaran pinjaman atau pembayaran kad kredit, transaksi pemindahan dana IBG/IBFT dan tambah nilai prabayar adalah RM 50.00.

(seterusnya dirujuk secara kolektif sebagai "**Transaksi Yang Layak**")

8. Semua Penyertaan-Penyertaan yang diperolehi semasa Bulan Kempen hanya akan diambil kira semasa Bulan Kempen dan tidak boleh dibawa untuk Bulan Kempen seterusnya yang akan datang.

9. Pemenang muktamad akan diumumkan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas setiap Bulan Kempen.
10. Untuk tujuan terma-terma dan syarat-syarat ini:-
  - 10.1 "**Pembayaran Bil**" di bawah Kempen ini bermaksud sebarang transaksi pembayaran bil termasuk JomPAY yang dilaksanakan oleh Peserta Yang Layak dengan log masuk ke laman web CIMB Clicks atau melalui aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melaksanakan Pembayaran Bil di bahagian '*Pay Bills*' atau 'JomPAY' di bawah '*Pay & Transfer*' berkenaan dengan laman web CIMB Clicks dan aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan di bahagian '*Pay Bills dan JomPAY*' berkenaan dengan aplikasi mudah alih CIMB EVA menggunakan mana-mana Akaun Simpanan atau Akaun Semasa CIMB Bank Peserta Yang Layak dan akaun Kad Debit CIMB. Sebarang pembayaran elektronik lain yang dilaksanakan melalui pilihan pembayaran dalam talian lain termasuk '*FPX Online Payment Gateway*' tidak akan dianggap sebagai Bayaran Bil di bawah Kempen ini;
  - 11.2 "**Pembayaran Pinjaman atau pembayaran kad kredit**" di bawah Kempen ini bermaksud pembayaran pinjaman atau pembayaran kad kredit yang dilaksanakan oleh Peserta Yang Layak dengan log masuk ke laman web CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melaksanakan pembayaran pinjaman atau pembayaran kad kredit di '*Pay Loans or Cards*' di bawah bahagian '*Pay & Transfer*' berkenaan dengan laman web CIMB Clicks dan aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan di bahagian '*Pay Loans or Cards*' berkenaan dengan aplikasi mudah alih CIMB EVA menggunakan mana-mana Akaun Simpanan atau Akaun Semasa CIMB Bank Peserta Yang Layak yang didaftarkan dengan CIMB Bank untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks kepada CIMB Bank atau bank lain melalui Interbank Giro (IBG) atau Instant Transfer (IBFT); dan
  - 11.3 "**Pindahan dana IBG/IBFT kepada akaun simpanan atau akaun semasa bank yang lain**" di bawah Kempen ini bermaksud pemindahan dana yang dilaksanakan oleh Peserta Yang Layak dengan log masuk ke laman web CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB EVA untuk melaksanakan pemindahan dana kepada akaun simpanan atau akaun semasa bank yang lain di '*Transfer Money*' di bawah bahagian '*Pay & Transfer*' berkenaan dengan laman web CIMB Clicks dan aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan di bahagian '*Transfer Money*' berkenaan dengan aplikasi mudah alih CIMB EVA melalui Interbank Giro (IBG) atau Instant Transfer (IBFT) menggunakan mana-mana Akaun Simpanan atau Akaun Semasa CIMB Bank Peserta Yang Layak yang didaftarkan dengan CIMB Bank untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks.
11. Pengesanan Transaksi Yang Layak adalah berdasarkan kepada tarikh-tarikh dan waktu-waktu transaksi (Waktu Malaysia).
12. Para Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB Bank tentang sama ada sebarang transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Yang Layak adalah muktamad dan tidak akan dicabar dengan apa jua cara.

**Proses Pemilihan Pemenang-Pemenang**

13. Para Peserta Yang Layak yang telah memperolehi Penyertaan atau Penyertaan-Penyertaan (mengikut mana-mana yang berkenaan) di bawah Bulan Kempen tertentu akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik dari jumlah Penyertaan-Penyertaan yang diperolehi dalam Bulan Kempen tersebut ("**Peserta Yang Disenarai Pendek**").
14. Peserta Yang Disenarai Pendek dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dan dalam masa terpantas dengan membalas kepada perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS**") yang dihantar oleh CIMB Bank kepada Peserta Yang Disenarai Pendek di bawah pembekal perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, DiGi, U Mobile, Tune Talk, Webe dan XOX: -
  - (i) Sepuluh (10) Peserta Yang Disenarai Pendek pertama yang menjawab dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**") di bawah Bulan Kempen tersebut;
  - (ii) Peserta Yang Disenarai Pendek tiga ratus (300) yang seterusnya yang menjawab dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah Saguhati**") di bawah Bulan Kempen tersebut.

Pemenang-Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang-Pemenang Hadiah Saguhati secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang-Pemenang**".
15. Untuk mengelakkan keraguan, hanya jawapan pertama Peserta Yang Disenarai Pendek yang diterima oleh CIMB Bank akan diambil kira. Tarikh akhir (iaitu tarikh dan masa) untuk menjawab soalan akan ditentukan dalam SMS. Sekiranya Peserta Yang Disenarai Pendek gagal menjawab soalan dengan betul atau gagal untuk membalas dalam masa sebelum tarikh akhir atau tidak boleh dihubungi atas apa-apa sebab, Peserta Yang Disenarai Pendek tersebut akan dilucuthak atau disingkirkan daripada peluang memenangi Hadiah-Hadiah di bawah Bulan Kempen tersebut. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua sekiranya Peserta Yang Disenarai Pendek tidak boleh dihubungi atas apa-apa sebab.
16. Untuk mengelakkan keraguan, bayaran telekomunikasi standard bagi respons SMS akan dikenakan dan akan ditanggung oleh Peserta Yang Disenarai Pendek.
17. Semua sesi soal jawab akan dinilai dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB Bank dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB Bank adalah muktamad dan mengikat.
18. CIMB Bank akan memberi notifikasi kepada Pemenang-Pemenang melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank di [www.cimbclicks.com.my](http://www.cimbclicks.com.my) atau melalui mel elektronik atau melalui SMS ke nombor telefon bimbit Pemenang-Pemenang atau melalui apa-apa cara notifikasi yang boleh dipilih oleh CIMB Bank jika mereka telah memenangi Hadiah ("**Notifikasi**").
19. Hadiah-Hadiah yang dimenang:
  - (a) disediakan berdasarkan asas "sebagaimana adanya";

- (b) tidak boleh dipindah milik atau boleh ditukar dengan wang tunai atau kredit; dan
  - (c) tidak termasuk apa-apa manfaat, aksesori-aksesori atau item-item yang ditunjukkan dalam risalah atau laman web, kerana ia adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja
20. Hadiah-Hadiah boleh membawa terma-terma dan syarat-syarat mereka sendiri dan terma-terma dan syarat-syarat ini akan terpakai sebagai tambahan kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.
21. Pemenang-Pemenang bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB Bank untuk mendedahkan butir-butir Pemenang-Pemenang (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat) kepada penjual/pembekal yang kemudiannya menghubungi Pemenang-Pemenang mengenai penghantaran atau penebusan Hadiah-Hadiah. Pemenang-Pemenang bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang diperlukan dengan CIMB Bank dan/atau penjual/pembekal untuk mengumpul atau menebus Hadiah-Hadiah CIMB Bank mereka. CIMB Bank tidak akan menanggung apa-apa tempat penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain Pemenang-Pemenang mungkin menanggung atau perlu ditanggung semasa menebus atau menggunakan Hadiah-Hadiah tersebut.
22. Hadiah-Hadiah akan dihantar kepada alamat e-mel Pemenang-Pemenang yang dikekalkan dengan CIMB Bank dalam tempoh masa lapan (8) hingga sepuluh (10) minggu selepas notifikasi menurut Klausula 18 di atas diberikan. Mana-mana Hadiah-Hadiah yang tidak dituntut selama tiga (3) bulan selepas notifikasi tersebut telah diberikan akan dilucuthakkan.
23. Pemenang-pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program-program publisiti sebagaimana yang dikehendaki oleh CIMB Bank mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya atas kos dan perbelanjaan Pemenang-Pemenang itu sendiri. Sekiranya Pemenang-Pemenang gagal menghadiri majlis dan/atau program-program publisiti tersebut, CIMB menyimpan hak untuk melucuthak Hadiah-hadiah Pemenang-Pemenang dan memilih Pemenang yang lain.

#### **Terma-terma dan Syarat-syarat Am**

24. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma & Syarat-Syarat ini serta bersetuju dengan CIMB Bank bagi pemrosesan dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang mana boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) dan Peserta Yang Layak bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah-Hadiah yang akan diberikan dan penentuan Pemenang-Pemenang, adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
25. Akaun Penyertaan Peserta Yang Layak (i) MESTI dalam keadaan yang baik dan MESTI tidak melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan; DAN (ii) MESTI adalah semasa dan tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang lampiran, perintah yang bertentangan ("*adverse order*") yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa pemilihan Pemenang-

Pemenang dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah-Hadiah, jika tidak Peserta Yang Layak akan hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan /atau Hadiah-Hadiah akan dilucuthakkan.

26. CIMB Bank menyimpan hak atas budi bicaranya yang tunggal untuk melucuthak mana-mana Peserta Yang Layak yang ditentukan olehnya sebagai mengganggu proses penyertaan, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
27. CIMB Bank menyimpan hak untuk menggantikan Hadiah-Hadiah dengan mana-mana item yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang lanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak melayakkan mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana orang lain untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank untuk apa-apa kehilangan atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pelanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.
28. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Peserta Yang Layak dalam apa jua cara sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya di dalam ini, secara langsung atau tidak langsung akibat daripada kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian perindustrian, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan Tuhan di luar kawalan munasabah CIMB Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam bentuk force majeure di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
29. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kehilangan atau kerosakan walau apa pun sifat yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, barbangkit, teladan, punitif atau gantirugi khas mana-mana pihak) walaubagaimana timbul, berhubungan dengan penyertaan atau ketidak penyertaan di dalam Kempen ini termasuk timbul daripada apa-apa tidak penerimaan atau kelambatan penerimaan oleh Peserta Yang Layak dalam Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") melainkan yang sama akan timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB Bank.
30. CIMB Bank menyimpan hak sebaik sahaja memberi notis terlebih dahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada penambahan, pemotongan, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini. Notifikasi kepada Peserta Yang Layak berkenaan Pindaan boleh dilaksanakan menurut budi bicara mutlak CIMB Bank melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di [www.cimbclicks.com](http://www.cimbclicks.com). dan cawangan CIMB Bank atau kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank di mana peruntukan terperinci berhubungan Pindaan tersebut

mungkin diberikan dalam notis tersebut atau mungkin diberikan kepada Peserta Yang Layak atas permintaan; atau dengan membuat iklan mengenai Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB Bank atau dengan cara lain notifikasi yang boleh dipilih oleh CIMB Bank dan Pindaan itu dianggap sebagai mengikat Peserta Yang Layak dari tarikh notifikasi Pindaan atau dari tarikh lain yang dinyatakan oleh CIMB Bank dalam notifikasi tersebut. Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat Kempen ini dan memastikan mereka mendapatkan maklumat yang dikemaskinikan mengenai apa-apa pertukaran atau perubahan pada terma-terma dan syarat-syarat ini.

31. Tiada pampasan dalam tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Yang Layak untuk sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sebagai keputusan langsung atau tidak langsung daripada Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat terkandung di sini.
32. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 30) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung di dalam sebarang bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat yang semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini.
33. Setakat yang dibenarkan sepenuhnya di bawah undang-undang, CIMB Bank dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, tersirat atau nyata, bertulis atau lisan, semua Hadiah-Hadiah dan tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab bagi Hadiah-Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB Bank tidak akan melayan sebarang aduan berkaitan dengan Hadiah-Hadiah.
34. Hadiah-Hadiah ditawarkan dan/atau diberikan semata-mata oleh penjual/pembekal yang berkaitan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh penjual/pembekal dan CIMB Bank tidak bertanggungjawab (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas bagi mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkaitan dengan Hadiah-Hadiah atau Kempen ini, walaupun CIMB Bank telah dinasihatkan berkenaan kemungkinan ganti rugi tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut adalah dikecualikan secara nyata.
35. Dengan persetujuan atau penerimaan suatu Hadiah, Peserta Yang Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB Bank dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen masing-masing terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB Bank dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen masing-masing berhubungan dengan penyertaan Peserta Yang Layak tersebut dalam Kempen ini atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah-hadiah. Semua risiko-risiko, kehilangan atau kerosakan berhubungan dengan penggunaan Hadiah-hadiah akan ditanggung oleh Peserta Yang Layak.

36. CIMB Bank tidak akan melayan apa-apa aduan apa jua yang berkenaan dengan Hadiah-Hadiah. Hadiah-Hadiah tidak disahkan oleh CIMB Bank dan tidak akan di bawah apa-apa keadaan bahawa kemasukan mana-mana Hadiah-Hadiah dalam Kempen ini dianggap sebagai pengendorsan atau cadangan Hadiah-Hadiah oleh CIMB Bank. Liabiliti CIMB Bank berhubung dengan Hadiah-Hadiah hanya untuk membayar harga yang sama kepada penjual/pembekal.
37. CIMB Bank tidak bertanggungjawab untuk apa-apa implikasi cukai yang mungkin timbul dari Hadiah-Hadiah atau penggunaan tersebut. Apa-apa obligasi pemfailan cukai atau apa-apa bayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa akibat penerimaan Hadiah-Hadiah adalah tanggungjawab tunggal Peserta Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi yang mungkin timbul terhadap situasi kewangannya sendiri.
38. Peserta Yang Layak tanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor-nombor telefon dan/atau alamat e-mel yang diberikan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB Bank. Notifikasi dan/atau penghantaran Hadiah-Hadiah oleh CIMB Bank akan berdasarkan kepada setiap nombor telefon dan alamat e-mel Peserta Yang Layak yang dikekalkan dengan CIMB Bank. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak untuk apa-apa kehilangan (termasuk kehilangan peluang dan dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang ditanggung atau sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah-Hadiah sekiranya nombor telefon dan/atau alamat e-mel Peserta Yang Layak dalam rekod CIMB Bank bukan terkini atau betul.
39. CIMB Bank menyimpan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti di dalam mana-mana cara dianggap sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang memberi kebenaran kepada dan bersetuju bahawa CIMB Bank mempunyai kebebasan untuk menerbitkan/memaparkan materia dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidapatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.
40. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang yang semasa, garis panduan, arahan, notis, peraturan-peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa pengawasan ke atas CIMB Bank berhubung dengan atau yang berkenaan dengan Kempen atau sebarang perkara yang terkandung di sini.
41. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang disebutkan di atas di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Yang Layak dan permintaan tersebut telah dicatat dan diakui oleh CIMB Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengawal Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks Peserta Yang Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.





CIMB Bank Berhad (13491-P)

42. Untuk maklumbalas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini, Peserta Yang Layak/Pelanggan-Pelanggan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank yang mempunyai alamat, nombor telefon dan faks (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan faks lain di mana CIMB Bank boleh menukar secara notifikasi kepada Peserta Yang Layak/Pelanggan-Pelanggan): Unit Resolusi Pelanggan, Tingkat 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Tel:603 6204 7788/ Faks:603 2691 3248/cru@cimb.com